



30 OCT, 2022

MAN diperkasa dengan pendigitalan rekod: Yakub

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

MAN diperkasa dengan pendigitalan rekod: Yakub

Permulaan MAN dalam merevolusikan kaedah penyampaian perkhidmatan konvensional ke arah Kerajaan Digital

KOTA KINABALU: Pendigitalan rekod akan memperkasakan perkhidmatan Mahkamah Anak Negeri (MAN) di Sabah selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Yakub Khan berkata, inisiatif tersebut merupakan gabungan pelaksanaan teknologi per-

alatan dan sistem aplikasi penyimpanan rekod.

“Rekod-rekod manual yang tersimpan akan disimpan dalam pangkalan data dalam bentuk digital dan dipantau oleh pembangun sistem.

“Pembangun sistem ini terdiri dari pegawai Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri sendiri dan tiada kos pembangunan bagi sistem aplikasi yang digunakan.

“Oleh yang demikian, penyimpanan, memulihara rekod-rekod lama yang melibatkan unsur-unsur sejarah untuk dijadikan bahan rujukan dan yang bernilai tinggi ini mudah dicapai sekiranya diperlukan,” katanya semasa

merasmikan program berkenaan di sini, pada Jumaat.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN), Ernywati Dewi Abas menjelaskan pendigitalan rekod MAN adalah untuk mewujudkan repositori dokumen digital yang dapat mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan maklumat, serta menambah nilai ke atas penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh MAN.

“Program ini akan dirintis oleh lima buah MAN iaitu MAN Kota Kinabalu, MAN Penampang, MAN Putatan, MAN Tuaran dan MAN Papar yang masing-masing akan

dibekalkan dengan peralatan komputer desktop berserta dengan pengimbas dokumen CZUR.

“Ianya merupakan titik permulaan bagi MAN dalam usaha merevolusikan kaedah penyampaian perkhidmatan yang konvensional ke arah Kerajaan Digital yang berteraskan teknologi dan inovasi,” katanya.

Turut hadir, Setiausaha Politik Datuk Senator Noraini Idris, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Jamili Nais dan Ketua Daerah Kota Kinabalu, OKK Datuk Saidon Kadis dan OKK Edna Majimbun.

DIGITAL: Penyerahan Czur ET16 Plus Scanner kepada wakil MAN iaitu Saidon (kiri) dan Edna (dua kanan) yang disampaikan oleh Yakub (tiga kiri) sambil disaksikan oleh Noraini (kanan).





30 OCT, 2022

MAN diperkasa dengan pendigitalan rekod: Yakub

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Permulaan MAN dalam merevolusikan kaedah penyampaian perkhidmatan konvensional kearah Kerajaan Digital

K O T A KINABALU: Pendigitalan rekod akan memperkasakan perkhidmatan Mahkamah Anak Negeri (MAN) di Sabah selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.